

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia meletakkan Petronas di bawah Parlimen agar hasil petroleum milik rakyat yang juga penyumbang terbesar ekonomi negara itu dipantau urusannya oleh rakyat melalui Parlimen.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Kerajaan berpendirian bahawa peruntukan di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] adalah mencukupi bagi PETRONAS memainkan peranannya secara berkesan mengikut perkembangan dan tuntutan semasa.

Sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta diaudit oleh juruaudit bertauliah antarabangsa.

Di samping itu, PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan yang lengkap dengan laporan kewangan dan laporan operasi pada setiap tahun. Laporan-laporan tersebut juga disiarkan dalam laman web PETRONAS iaitu www.petronas.com.my dan boleh dimuat-turunkan oleh pihak umum dan mana-mana pihak berminat.

Selain itu, PETRONAS juga mengumumkan keputusan kewangan setiap suku tahun kepada pihak media dan pihak umum yang disiarkan di laman web PETRONAS serta dilaporkan di dalam akhbar-akhbar semasa. Pendedahan dan keterbukaan PETRONAS dalam melaporkan laporan prestasi dan aktiviti yang dijalankan telah pun dibuat secara

menyeluruh dan terperinci untuk dikaji dan diteliti oleh mana-mana pihak yang berminat termasuk Ahli-ahli Parlimen. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan PETRONAS di bawah Parlimen.

Sekian. Terima kasih.